



**KENYATAAN MEDIA
UNTUK EDARAN SEGERA**

**KERJA PEMBAIKAN BUMBUNG STESEN KERETAPI IPOH DIJANGKA SIAP
MEI INI, TIADA LAGI SILING BOCOR LANTAI BASAH**

SEPANG, 21 April 2025 – Perbadanan Aset Keretapi (RAC) menjangkakan kerja-kerja pembaikan bumbung Stesen Keretapi Ipoh yang bocor sehingga menyebabkan kebocoran siling di ruangan bawah stesen kereta api termasuk ruang menunggu akan selesai pada pertengahan Mei ini.

Maklum balas ini dikeluarkan sebagai respon kepada laporan berita yang disiarkan Astro Awani hari ini bertajuk **TMM: Siling Stesen KTM Ipoh bocor, tandas daif, perlu baik pulih segera** yang menyentuh mengenai rungutan pengunjung dan penumpang terhadap keadaan daif Stesen Keretapi Ipoh.

Selain kebocoran siling, antara isu utama lain yang dibangkitkan adalah keadaan tandas yang daif, kemudahan gerai jualan yang terhad serta ketiadaan bumbung di kawasan tempat letak motosikal.

Menyentuh mengenai kebocoran siling di bangunan stesen kereta api berkenaan, RAC ingin menjelaskan bahawa kerja-kerja pembaikan bumbung bangunan stesen itu telah dimulakan pada 14 Mac 2025 dengan melaksanakan pembongkaran struktur bumbung yang telah uzur dan rosak.

“Semasa kerja-kerja pemasangan lapisan kalis air dilaksanakan, pihak kontraktor berdepan dengan cabaran cuaca yang tidak menentu termasuk hujan lebat lebih enam

PERBADANAN ASET KERETAPI | RAILWAY ASSETS CORPORATION (RAC)

Tingkat 16 | IOI City Tower 2 | Lebuhraya IRC | IOI Resort City
62502 Putrajaya Sepang | Selangor Darul Ehsan | Malaysia

Tel : 03 - 8939 0200 | Faks : 03 - 8939 0222

Facebook : Railway Assets Corporation | Twitter : RailwayAssetsMY | Instagram : myrailwayassets

WhatsApp : Respon@RAC 019-200 8533 | Laman Web: www.rac.gov.my

jam pada 15 April 2025 sehingga menjejaskan proses baik pulih yang sedang dilaksanakan”.

“Sebagai langkah mitigasi, papan tanda pemakluman telah dipasang di lokasi-lokasi strategik dan pemantauan berterusan dijalankan oleh wakil RAC dan pihak kontraktor dari semasa ke semasa bagi memastikan keselesaan pengguna dan operasi stesen tidak terjejas”.

RAC menjangkakan kerja-kerja baik pulih bumbung tersebut akan siap sepenuhnya menjelang pertengahan Mei 2025.

Menjawab mengenai isu tandas yang daif, RAC telah melaksanakan penggantian beberapa kemudahan di dalam kawasan tandas termasuk melantik kontraktor pembersihan yang akan menjalankan kerja-kerja pencucian sekurang-kurangnya tiga kali sehari terutama semasa kedatangan tren. Selain itu, kebocoran siling di dalam kawasan tandas turut akan dibaik pulih. Langkah ini diambil bagi memastikan pengguna dapat menggunakan kemudahan itu dengan selesa.

Dalam pada itu, mengenai penyediaan kios jualan yang terhad, ia adalah disebabkan kekangan ruang di lobi utama memandangkan stesen kereta api ini antara stesen yang menerima jumlah penumpang yang ramai. Oleh itu, penyediaan tempat duduk yang mencukupi, laluan masuk dan keluar penumpang yang selesa serta keselamatan operasi kereta api menjadi keutamaan RAC. Walau bagaimanapun, situasi itu dijangka bertambah baik selepas pembukaan ruang legar baharu yang dijangka siap pada penghujung Mei ini.

Dengan adanya ruang tambahan ini, ia akan membolehkan penyusunan semula kawasan komersial tanpa mengganggu aliran pergerakan penumpang atau operasi di stesen.

Sementara itu, berkenaan aduan tempat letak motosikal yang tidak berbumbung, RAC memaklumkan bahawa kawasan tersebut adalah di bawah seliaan Majlis Bandaraya

Ipoh (MBI) dan cadangan penambahbaikan akan dibincangkan bersama pihak berkuasa tempatan tersebut.

RAC turut mengesahkan bahawa Hotel Majestic yang terletak di bangunan warisan itu akan turut dibaik pulih sebagai sebahagian daripada projek restorasi bangunan stesen berkenaan yang akan dilaksanakan secara menyeluruh secara berfasa.

RAC ingin merakamkan penghargaan kepada orang awam yang prihatin terhadap keadaan kemudahan di stesen kereta api tersebut dan menegaskan bahawa Perbadanan ini dari semasa ke semasa sentiasa ingin memastikan penambahbaikan berterusan kepada infrastruktur rel negara terus dilaksanakan selaras dengan fungsi dan peranannya.

Sekian, terima kasih.

- TAMAT -

PERBADANAN ASET KERETAPI

21 APRIL 2025

Tentang RAC:

Perbadanan Aset Keretapi (RAC) merupakan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan. RAC ditubuhkan di bawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463) dan beroperasi sepenuhnya sebagai sebuah organisasi pada 1 Ogos 1992. Dengan penggubalan akta tersebut, semua aset kereta api yang dahulunya di bawah urus tadbir KTM dan tanah kereta api yang berada di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) adalah terletak hak kepada RAC manakala operasi perkhidmatan kereta api dikendalikan oleh syarikat pengganti iaitu Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Perbadanan ini berperanan sebagai pengurus dan perancang perniagaan bagi menjaga dan menterjemah aset-aset kereta api kepada sesuatu harta yang bernilai dan mampu menjana pendapatan berterusan untuk Kerajaan.

PERBADANAN ASET KERETAPI | RAILWAY ASSETS CORPORATION (RAC)

Tingkat 16 | IOI City Tower 2 | Lebuhraya IRC | IOI Resort City
62502 Putrajaya Sepang | Selangor Darul Ehsan | Malaysia

Tel : 03 - 8939 0200 | Faks : 03 - 8939 0222

Facebook : Railway Assets Corporation | Twitter : RailwayAssetsMY | Instagram : myrailwayassets

WhatsApp : Respon@RAC 019-200 8533 | Laman Web: www.rac.gov.my

Pertanyaan Media

Unit Hal Ehwal Korporat

Perbadanan Aset Keretapi

Pegawai Perhubungan Awam :

Puan Ane Salfarizan Mispani

E-mel: salfarizan@rac.gov.my

012-6594256

Umum:

No Tel: 603-8939 0200

No Faks: 603-8939 0222

E-mel: info@rac.gov.my

PERBADANAN ASET KERETAPI | RAILWAY ASSETS CORPORATION (RAC)

Tingkat 16 | IOI City Tower 2 | Lebuhr IRC | IOI Resort City
62502 Putrajaya Sepang | Selangor Darul Ehsan | Malaysia

Tel : 03 - 8939 0200 | Faks : 03 - 8939 0222

Facebook : Railway Assets Corporation | Twitter : RailwayAssetsMY | Instagram : myrailwayassets

WhatsApp : Respon@RAC 019-200 8533 : Laman Web: www.rac.gov.my

GAMBAR-GAMBAR TERKINI STESEN KERETAPI IPOH



PERBADANAN ASET KERETAPI | RAILWAY ASSETS CORPORATION (RAC)

Tingkat 16 | IOI City Tower 2 | Lebuhraya IRC | IOI Resort City
62502 Putrajaya Sepang | Selangor Darul Ehsan | Malaysia

Tel : 03 - 8939 0200 | Faks : 03 - 8939 0222

Facebook : Railway Assets Corporation | Twitter : RailwayAssetsMY | Instagram : myrailwayassets

WhatsApp : Respon@RAC 019-200 8533 | Laman Web: www.rac.gov.my